

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG, SUKU TAHUN KEDUA 2024

**Hasil sektor Perkhidmatan melonjak kepada RM607.1 bilion pada
suku tahun kedua 2024, dengan peningkatan 6.8 peratus**

PUTRAJAYA, 8 OGOS 2024 – Hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.8 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2024 untuk merekodkan sebanyak RM607.1 bilion. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Kedua 2024**. Laporan ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi, Hartanah; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan Pendapatan e-Dagang.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus ini didorong oleh prestasi yang mengalakkan dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan, yang mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak

6.4 peratus, meningkat daripada 5.9 peratus pada suku tahun kedua 2023. Segmen Profesional, Hartanah, dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan juga menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dengan peningkatan sebanyak 10.2 peratus berbanding tahun sebelumnya, menghasilkan jumlah hasil sebanyak RM39.5 bilion. Seterusnya, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.1 peratus, manakala segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi, dan Perkhidmatan Persendirian & Aktiviti Lain menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 12.4 peratus."

Beralih kepada analisis perbandingan suku tahun ke suku tahun, jumlah hasil untuk sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.1 peratus berbanding suku tahun pertama 2024. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan, yang bertumbuh sebanyak 2.2 peratus, menyumbang peningkatan hasil sebanyak RM9.9 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, yang meningkat 1.6 peratus. Segmen Profesional, Hartanah, dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan mencatatkan kenaikan sebanyak 2.4 peratus, manakala segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi, dan Perkhidmatan Persendirian & Aktiviti Lain bertumbuh sebanyak 2.2 peratus.

Ketua Perangkawan turut berkata, "Pendapatan e-Dagang pada suku tahun ini mencatatkan nilai sebanyak RM302.4 bilion, bertumbuh 7.8 peratus tahun ke tahun berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pendapatan e-Dagang meningkat sebanyak 3.1 peratus."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah "Jumlah pekerja dalam sektor ini adalah seramai 4.5 juta orang, meningkat 1.7 peratus tahun ke tahun. Kenaikan

ini dipacu oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 2.3 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan (3.6%). Bagi suku tahun ke suku tahun, jumlah pekerja bertumbuh 0.5 peratus, meningkat 20.1 ribu orang.”


Sementara itu, jumlah gaji dan upah meningkat 3.5 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan nilai sebanyak RM32.6 bilion. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan & Penyimpanan yang masing-masing bertambah sebanyak 3.1 peratus dan 4.9 peratus. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, gaji dan upah bertumbuh 1.0 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan




Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti



Carta 5: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Sokongan



Carta 6: Pendapatan e-Dagang



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 OGOS 2024**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME, SECOND QUARTER 2024

The Services sector revenue surged to a record-breaking RM607.1 billion in Q2 2024, with a 6.8 per cent increase

PUTRAJAYA, 8 AUGUST 2024 – Services sector revenue recorded a 6.8 per cent year-on-year growth in the second quarter of 2024, reaching a total revenue of RM607.1 billion. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of ***The Quarterly Services Statistics, Second Quarter 2024***. The report presents statistics on Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverage; Professional; Private Health; Private Education; Accommodation; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate; Administrative & Support Service; Personal Services & Other Activities, and Income of e-Commerce.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, "The growth of 6.8 per cent was driven by favorable performance in the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation segment, which saw a year-on-year increase of 6.4 per cent, up from 5.9 per cent in the second quarter of

2023. The Professional, Real Estate, and Administrative & Support Services segment also exhibited robust growth, with a 10.2 per cent increase compared to the previous year, resulting in total revenue of RM39.5 billion. Additionally, the Information & Communication and Transportation segment grew by 6.1 per cent, while the Private Healthcare, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Other Personal Services segment saw a notable increase of 12.4 per cent."

In a quarter-on-quarter analysis, the total revenue for Services sector increased by 2.1 per cent compared to the first quarter of 2024. This growth was primarily driven by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation segment, which expanded by 2.2 per cent, contributing an additional RM9.9 billion. This was followed by the Information & Communication and Transportation & Storage segment, which increased 1.6 per cent. The Professional, Real Estate, and Administrative & Support Services segment also saw a rise of 2.4 per cent, while the Private Healthcare, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Other Personal Services segment grew 2.2 per cent.

The Chief Statistician also noted, "Income of e-Commerce for this quarter reached RM302.4 billion, reflecting a 7.8 per cent increase year-on-year compared to the same quarter last year. In comparison to the previous quarter, e-Commerce revenue grew by 3.1 percent."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further added, "The total number of persons engaged in this sector stands at 4.5 million, an increase of 1.7 per cent year-on-year. This growth was led by the Wholesale & Retail Trade sub-sector, which saw an increase of 2.3 per cent, followed by the Transportation & Storage sub-sector (3.6%). On a quarter-on-quarter basis, the number of persons engaged grew by 0.5 per cent, adding 20.1 thousand persons.

Meanwhile, the total of salaries and wages increased 3.5 per cent year-on-year to register RM32.6 billion. The increment was attributed to Wholesale & Retail Trade and Transportation & Storage sub-sectors which rose 3.1 per cent and 4.9 per cent, respectively. For quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 1.0 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.” DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Performance of Services Sector




Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment




Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment




Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment




Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment





Chart 6: e-Commerce Income



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

8 AUGUST 2024